

14 FEB 2003

Mahathir-Setinggalan (Bergambar)

SETINGGAN PERLU UBAH SIKAP DAN BUDAYA UNTUK MAJU

JOHOR BAHRU, 14 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mahu melihat perubahan sikap dan budaya di kalangan setinggalan selaras dengan kemajuan negara, setelah usaha dijalankan untuk menghapuskan kawasan setinggalan dengan membina penempatan baru.

Perdana Menteri berkata penduduk setinggalan yang disediakan kemudahan tempat tinggal baru di kawasan yang cantik dan teratur, perlu berasa bangga dan menjaga keindahan kediaman mereka.

"Bila kita pindah ke kawasan penempatan baru yang lebih baik, kita mestilah bangga dengan rumah kita dan pelihara kawasan dan rumah kita supaya sentiasa cantik, bersih dan teratur," katanya pada majlis muhibah bersama rakyat sempena majlis pecah tanah Gerbang Selatan Bersepadu dan projek perumahan rakyat di Bukit Cagar di sini, hari ini.

Beliau mengakui 'bencikan' setinggalan kerana tidak mahu mereka terus menerus menjadi setinggalan sebaliknya berhasrat membina penempatan yang teratur untuk semua setinggalan supaya mereka, yang juga rakyat Malaysia, dapat hidup selesa seperti rakyat lain.

Ketika bercakap pada sidang media selepas itu, beliau berkata di penempatan baru mereka mestilah mengamalkan budaya dan cara hidup yang berbeza dengan menjaga kebersihan dan tidak lagi membuang sampah sarap sesuka hati, kerana kalau itu yang berlaku, kawasan baru pun tidak ubah seperti kawasan lama mereka.

"Kita mahu mereka hidup dengan stail baru... Malaysia telah maju dan rakyat juga patut berubah mengikut masa dan kemajuan Malaysia serta budayanya haruslah satu budaya rakyat yang lebih baik," katanya.

Dr Mahathir berkata semua rakyat Malaysia kini hidup lebih baik daripada dahulu dan setinggalan pun, yang bekerja, memperolehi pendapatan lebih baik.

"Masalahnya ialah sesetengah daripada mereka apabila diberikan tempat baru, bertindak menyewakannya dan mereka sendiri balik semula ke rumah setinggalan mereka," katanya.

Dr Mahathir mengulangi keyakinannya bahawa Malaysia mencapai kemajuan yang dinikmati sekarang kerana rakyatnya yang berbilang kaum saling menghormati, hidup berbaik-baik dalam suasana rukun damai.

Bahkan, katanya, tidak terdapat di negara lain perayaan kebesaran sesuatu kaum turut disertai kaum lain seperti di Malaysia yang menggambarkan sikap toleransi yang tinggi.

Perdana Menteri berkata hasilnya ialah pembangunan dan kemakmuran negara yang boleh dilihat dari segi pendapatan per kapita rakyat Malaysia yang pada tahun 1957 hanya sebanyak RM900 setahun, kini berjumlah RM12,000 setahun, satu peningkatan berbelas kali ganda dalam tempoh 43 tahun.

"Bahkan sekarang Kuala Lumpur juga sudah mencapai tahap kawasan maju yang setaraf dengan negara-negara maju... dan selepas KL, Johor Baharulah yang turut mencapai kemajuan tinggi," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata berdekatan dengan Singapura tidak menjamin kemajuan Johor Baharu kerana ada negara lain yang juga dekat dengan Singapura tetapi tidak maju, sambil menjelaskan bahawa Johor Baharu maju kerana rakyatnya yang dinamis dan berani merebut peluang ekonomi yang ada.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor Baharu Datuk Shahrir Abdul Samad ketika berucap sebelum itu berkata penduduk setinggalan bandaraya ini berterima kasih kepada kerajaan atas perhatian yang diberikan bagi menyediakan kemudahan tempat tinggal yang lebih baik.

Katanya sebelum ini kira-kira 1,000 keluarga setinggian dari Kampung Tok Siak mendapat manfaat kawasan kediaman lebih baik dan diharapkan 2,600 keluarga penduduk rumah pangsa Lumba Kuda dan Bukit Cagar yang akan dirobohkan juga ditempatkan dalam kawasan Parlimen Johor Baharu.

Penduduk kedua-dua rumah pangsa itu akan dipindahkan untuk memberi laluan kepada pembinaan kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantina (CIQ) baru di di tengah-tengah bandaraya ini.

Shahrir berkata BN Johor Baharu turut menjunjung kasih atas kurniaan tanah oleh Sultan Johor dekat Bakar Batu dan pemberian tanah oleh kerajaan negeri bersebelahannya, yang kedua-duanya seluas kira-kira 26 hektar untuk membina flat tiga bilik setinggi lima tingkat bagi penempatan penduduk berkenaan.

Adalah jelas projek penswastaan yang diuruskan dengan baik dengan mengambil kira kepentingan rakyat terbanyak, mampu dilaksanakan dengan memberi manfaat besar kepada semua pihak, katanya.

-- BERNAMA

MNY RON